**Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd**
(100995-U)
Persiaran Kuala Selangor,
Seksyen 26, 40400 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**T** (+603) 5102 6000
**F** (+603) 5191 9120

PROTON

# Siaran Akhbar

## PROTON CATAT TIGA PENCAPAIAN BAHARU PADA JANUARI

- **Kadar peningkatan jualan antara tiga teratas bagi jenama automotif**
- **Proton X70 pecah rekod pendaftaran dalam masa satu bulan bagi SUV segmen C**
- **Sebanyak 74 buah cawangan 3S/4S dibuka bagi membantu mencapai sasaran SSI dan CSI**

**Subang Jaya, 1 Februari 2019 –** PROTON memulakan tahun 2019 dengan pencapaian memberangsangkan di mana jumlah pendaftaran meningkat kepada 7,007 unit pada Januari 2019. Pegangan pasaran dianggarkan pada 14.5%, meskipun angka sebenar hanya akan disahkan selepas data jualan industri dikeluarkan oleh Persatuan Automotif Malaysia (MAA).

**Proton X70 mendahului jualan**

Selepas pelancarannya pada 12 Disember 2018, penyerahan Proton X70 semakin rancak di mana kini terdapat lebih banyak bilangan unit SUV pertama PROTON dilihat. Dengan rekod pendaftaran SUV yang paling banyak di pasaran Malaysia pada bulan ianya dilancarkan, rekod tersebut berterusan sehingga ke tahun baru dengan sebanyak 2,777 unit telah didaftarkan pada Januari 2019. Jumlah tersebut bermakna Proton X70 telah mencatat rekod baharu sebagai SUV segmen C paling banyak didaftarkan dalam masa sebulan.

Jumlah besar yang didaftarkan bagi SUV tersebut adalah penting pada PROTON yang mempamerkan angka pertumbuhan jualan yang mengagumkan. Berbanding dengan jualan bulan sebelumnya, jualan telah meningkat sebanyak 33.6% sementara perbandingan dari tahun ke tahun, angka tersebut mewakili pertumbuhan sebanyak 46.5% daripada Januari 2018, menjadikan PROTON mendahului pasaran dalam kadar pertumbuhan bagi jenama automotif antara ketiga yang teratas.

Satu lagi pencapaian Syarikat yang mendahului industri adalah pada jumlah kemudahan yang ada pada cawangan 3S/4S. Sehingga akhir bulan ini, terdapat 74 cawangan PROTON 3S/4S dan pengedar beroperasi dan akan lebih banyak cawangan dibuka sepanjang tahun ini. Cawangan-cawangan akan bergandingan membantu PROTON dalam mencapai Indeks Perkhidmatan Jualan (SSI) dan Indeks Perkhidmatan Pelanggan (CSI) mencapai sasarannya.

"PROTON amat berterima kasih kerana dapat membuka tirai 2019 secara positif. Kami sudah menjangkakan pencapaian jumlah cawangan 3S/4S di dalam industri pada hujung bulan ini, tetapi angka pertumbuhan jualan dan rekod pendaftaran SUV adalah disebabkan oleh sokongan yang kami terima daripada pembeli kereta di Malaysia. Masih banyak lagi yang perlu dilakukan untuk menaikkan semula jenama Syarikat tetapi kami akan berusaha untuk terus memberikan pengalaman mewah di cawangan kami disamping meningkatkan penawaran bagi model-model kami," kata Dr Li Chunrong, Ketua Pegawai Eksekutif PROTON.

**PROTON CATAT TIGA PENCAPAIAN BAHARU PADA JANUARI**

Bagi bulan Februari, PROTON sedang berusaha mengekalkan momentum jualannya dengan mengadakan promosi *Ang Pow*. Pembeli kereta-kereta Proton layak untuk mendapatkan penjimatan sehingga RM4,000 bergantung pada model yang mereka pilih.

"Bersempena dengan Tahun Baru Cina, PROTON ingin terus memberikan ganjaran kepada para pelanggannya dengan menawarkan insentif tambahan yang membeli kereta Proton baharu. Syarikat juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua rakyat Malaysia dan mengingatkan mereka untuk memandu dengan selamat sepanjang tempoh perayaan," tambah Dr Li Chunrong.

-Tamat-

**Mengenai PROTON**

PROTON Holdings Berhad adalah 50.1% milik DRB-HICOM Berhad dan 49.9% oleh Zhejiang Geely Holding Group Co. Ltd. Ditubuhkan pada tahun 1983, ia adalah satu-satunya pengeluar kereta OEM sepenuhnya yang lengkap dengan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R & D) di Asia Tenggara dan telah ditubuhkan dengan tiga objektif dasar kebangsaan utama, iaitu untuk menerajui pembangunan industri pembuatan komponen, untuk memperoleh dan meningkatkan kemahiran teknologi dan perindustrian dalam industri pembuatan otomotif dan untuk mengukuhkan daya saing antarabangsa dalam keupayaan industri Malaysia.

1985 menandakan satu tahun yang hebat dalam sejarah Malaysia apabila kereta nasional pertama negara, Proton Saga, dilancarkan untuk rakyat. Sejak itu, ianya menawarkan ciri yang termasuk kenderaan keluarga empat pintu yang serba boleh dan boleh dipercayai seperti Saga dan Persona, kereta eksekutif bergaya seperti Prevé, eksekutif elegan D-segmen Perdana serta kenderaan pelbagai guna yang luas dan berpatutan seperti Exora dan Ertiga . Terdapat juga Suprima S yang *sporty* anggun yang penuh dengan prestasi dan Iriz yang berani dan bergaya daripada menekankan keselamatan dan merupakan kereta kebangsaan ASEAN 5 Bintang yang paling berpatutan.

PROTON adalah lebih daripada sekadar sebuah syarikat kereta sebagai permulaannya sebagai pemacu utama pembangunan negara telah melihat jenama mempercepatkan proses pembelajaran menerusi pemindahan teknologi dengan perkongsian strategik dan kerjasama teknikal. Tidak syak lagi bahawa ia telah membantu mengembangkan ekonomi Malaysia melalui kemajuan dan kejayaan dalam industri automobil.

Dengan mendengarkan keperluan pelanggan, kereta PROTON kini berada di landasan mencapai misi untuk masa depan, dengan PROTON ditetapkan untuk menjadi sebuah marque yang membina kereta berkualiti dan selamat dengan semangat dan jiwa; kereta yang menyeronokkan untuk pemanduan - dan keselesaan untuk dimiliki. Untuk maklumat lanjut, layari http://www.proton.com.

**Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:**
**Bahagian Kumpulan Komunikasi Koporat, PROTON**

- Mohamed Norin Abu Bakar di 012-243 9735 / tel: 03-8026 9674 / mohamednorin@proton.com
- Faisal Shah di hp: 019-321 8897 / tel: 03-8026 9389 / faisalshah@proton.com
- Eyasmin Hameed di hp: 017-605 2072 / tel: 03-8026 9683 / eyasminh@proton.com